

BULETIN UTHM

Bil.10 Oktober 2024 | ISSN 2232-0415



**2589 pelajar baharu program sarjana
muda sesi 2024/2025 daftar diri di UTHM**

ISSN 2232-0415



UTHM Johor



www.uthm.edu.my



**Global Technopreneur
University 2030**

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 2589 pelajar baharu program sarjana muda sesi 2024/2025 daftar diri di UTHM
- 2 Karnival UTHM Prihatin @ Pagoh 2024 erat hubungan warga kampus, komuniti setempat
- 4 Penyelidik UTHM berjaya laksana projek 'Automasi dan Pemantauan Tenaga bagi Sistem Pengudaraan Mekanikal dan Penyaman Udara' pertama di kampus
- 5 Hampir 300 alumni hadir meriahkan Program Siri Jelajah Alumni UTHM bersama Naib Canselor (Zon Tengah)
- 7 Program Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah UTHM terima pengiktirafan antarabangsa bagi akreditasi semula RICS
- 8 FAST dan FTK anjur 'Career Fair 2024' bantu bakal graduan, erat hubungan dengan industri
- 10 15 pelajar UTHM lulus tahap 2 program Menservis Penyaman Udara Kenderaan, diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran
- 11 Projek tanam herba latih pelajar B40 kemahiran berkebun, jana pendapatan sampingan
- 14 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



2589 pelajar baharu program sarjana muda sesi 2024/2025 daftar diri di UTHM



BATU PAHAT, 7 Okt 2024 - Seramai 2589 pelajar baharu program sarjana muda sesi akademik 2024/2025 telah mendaftar diri di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kampus induk dan kampus cawangan Pagoh bermula pada 29 September 2024 lalu.

Menurut Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, jumlah tersebut melibatkan 1,967 pelajar di kampus induk, manakala 622 pelajar lagi di kampus cawangan Pagoh.

Berdasarkan statistik tersebut, sejumlah 1,437 orang atau 56 peratus adalah pelajar lelaki, manakala 1,152 orang atau 44 peratus lagi merupakan pelajar perempuan.

Kesemua pelajar baharu yang mendaftar diri di tujuh fakulti itu mula mengikuti sesi perkuliahan 2024/2025 bermula pada 6 Oktober lalu secara fizikal

Terdahulu, mereka telah mengikuti Minggu Haluan Siswa (MHS) yang berlangsung selama lima hari bermula 29 September hingga 3 Oktober lalu sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada warga UTHM.

Sepanjang minggu tersebut, mereka telah mengikuti pelbagai sesi dan taklimat yang bertujuan untuk mengenali alam kampus dengan lebih dekat

antaranya Majlis Bersama Kepimpinan Negara, Amanat Naib Canselor serta Ikrar Pelajar, Taklimat Kebajikan dan Pembiayaan Pengajian, Sesi Bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dekan dan pengurusan fakulti, Hari Sukan MHS dan Malam Warisan Bangsa.

Sementara itu, Dato' Ruzairi bersama Pegawai-pegawai Kanan universiti turut beramah mesra dengan pelajar dan ibu bapa yang hadir pada hari pertama pendaftaran berlangsung.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar yang terpilih mengikuti pengajian di UTHM, sekali gus berharap mereka dapat menyahut cabaran menjadi individu yang cemerlang dengan memberi sepenuh tumpuan kepada pembelajaran.

Tambah beliau, UTHM ada menyediakan kemudahan fasiliti yang lengkap di sekitar kampus dan kolej kediaman serta bersedia untuk menampung keperluan pelajar pada sesi pengajian ini.

"Oleh itu, saya amat berharap anak-anak pelajar dapat menggunakan peluang menyambung pelajaran di UTHM ini dengan sebaik mungkin dan harungilah setiap cabaran yang datang dengan penuh tekad dan kesungguhan," katanya.



Karnival UTHM Prihatin @ Pagoh 2024 erat hubungan warga kampus, komuniti setempat

PAGOH - Bagi menyemarakkan lagi semangat kecintaan staf terhadap universiti sambil memupuk kerjasama dengan komuniti setempat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan 'Karnival UTHM Prihatin @ Pagoh 2024' pada 20 Oktober 2024 lalu bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Karnival tersebut diadakan bertujuan untuk memupuk jalinan muafakat antara semua kelompok staf dan penduduk kampung sekitar kampus Pagoh, sekaligus membantu universiti mencapai hala tuju iaitu ke arah menjadi Global Technopreneur University (GTU2030).

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Md. Zin, wakil rasmi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti hadir menyempurnakan 'Majlis Perasmian Karnival UTHM Prihatin @ Pagoh' bertempat di Dewan A9, Kolej Kediaman Kampus Pagoh.

Beliau dalam ucapannya berkata penganjuran karnival itu bukan sahaja bertujuan memupuk semangat setia dan dedikasi staf kepada universiti, malah sebagai usaha mewujudkan persekitaran kerja yang sihat untuk semua warga kampus.

Tambah beliau, penglibatan sosial UTHM dalam komuniti Pagoh juga dapat diterjemahkan melalui penganjuran pelbagai aktiviti sosial, sukan serta kebajikan.

"Karnival ini juga mampu mempromosikan UTHM sebagai sebuah universiti yang prihatin terhadap pembangunan holistik warganya, yang mana program-program komuniti dan kebajikan menjadi sebahagian penting kepada fungsi dan identiti universiti," katanya.




Hadir sama, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad; Ketua Pustakawan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Zaharah Abd Samad merangkap Ketua Kluster UTHM Prihatin dan Pegawai-pegawai Kanan universiti serta Ketua-ketua Kampung sekitar kawasan Pagoh.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan bagi memeriahkan karnival antaranya gotong-royong memasak bersama penduduk kampung, konvoi bermotor dari kampus induk ke kampus Pagoh, acara sukaneka, pertandingan memasak 'Geger Dapo' dengan penampilan selebriti Sheila Rusly sebagai juri, program 'Ziarah Kasih' dan bantuan asnaf

melibatkan beberapa kampung, 'Bicara Kesihatan' oleh pengengaruh Dr Mani serta Majlis Pelancaran Jualan Amal Karya Seni Pelajar oleh Yayasan UTHM.

Turut diadakan, pemeriksaan kesihatan dan gigi secara percuma oleh Klinik Syafi dan Klinik Putra, pameran 'Seni Amal Lukisan Pelajar' dari Pusat Pengajian Diploma, slot perkongsian ilmu oleh Pusat Hubungan Industri Dan Masyarakat (ICRC) serta jualan rahmah dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNHEP) dan Pasar Tani Yayasan UTHM.





Penyelidik UTHM berjaya laksanakan projek 'Automasi dan Pemantauan Tenaga bagi Sistem Pengudaraan Mekanikal dan Penyaman Udara' pertama di kampus

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi membuktikan komitmen mereka terhadap kelestarian tenaga dengan kejayaan pelaksanaan projek 'Automasi dan Pemantauan Tenaga bagi sistem Pengudaraan Mekanikal dan Penyaman Udara (MVAC)' yang pertama di kampus.

Projek yang bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), kampus induk itu mengambil masa 12 bulan untuk dilaksanakan secara dalaman menggunakan khidmat kepakaran sekumpulan penyelidik UTHM.

Projek tersebut menggunakan teknologi canggih seperti sistem *Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA)* dan *Internet of Things (IoT)* bagi membolehkan pemantauan tenaga dilakukan secara masa nyata serta kawalan automatik terhadap operasi MVAC.

Projek itu dilaksanakan bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga serta meminimumkan keperluan operasi manual sistem MVAC PPTA seperti yang dilakukan sebelum ini.

Melalui integrasi teknologi SCADA dan IoT, pengurusan bangunan tersebut kini dapat mengawal tetapan suhu serta masa operasi MVAC dengan lebih efisien, dari mana-mana sahaja.

Menurut ketua projek, Dr. Ramhuzaini Abd Rahman sistem baharu ini diharap dapat membantu

universiti mencapai pengiktirafan 3-Bintang *Energy Management Gold Standard (EMGS)*.

"Pengiktirafan ini akan menjadikan UTHM antara institusi pengajian tinggi pertama di Malaysia yang mempelopori pengurusan tenaga secara pintar, selari dengan kemajuan teknologi Revolusi Industri 4.0.

"Projek ini dijangka membantu memberikan penjimatan kos tenaga yang signifikan serta mengurangkan jejak karbon universiti," katanya.

Dengan kapasiti yang boleh menampung lebih 300,000 buku dan 3,000 pengguna pada satu-satu masa, PTTA kini bukan sahaja akan dikenali sebagai pusat sumber ilmu, tetapi juga sebagai contoh terbaik dalam amalan pengurusan tenaga yang mampan.

UTHM berharap kejayaan projek ini dapat dijadikan model bagi universiti-universiti lain di Malaysia dalam usaha mereka mencapai kelestarian tenaga serta membantu dalam menyumbang kepada persekitaran yang lebih hijau.

Senarai penyelidik yang terlibat

1. Dr. Ramhuzaini Abd Rahman (Ketua projek)
2. Ts. Mohamad Md Som
3. Ts. Azli Yusop
4. Ts. Maizul Ishak



Hampir 300 alumni hadir meriahkan Program Siri Jelajah Alumni UTHM bersama Naib Canselor (Zon Tengah)

PUTRAJAYA – Hampir 300 alumni Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hadir memeriahkan Program Siri Jelajah Alumni UTHM bersama Naib Canselor (Zon Tengah) yang diadakan di The Everly, Putrajaya pada 12 Oktober 2024.

Selain sebagai usaha mempromosi UTHM, program anjuran Pusat Kemajuan kerjaya dan Alumni dengan kerjasama Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi korporat serta Yayasan UTHM itu diadakan bertujuan menyatupadukan, menghubungkan dan merapatkan lagi hubungan UTHM dengan masyarakat secara menyeluruh dengan pelaksanaan aktiviti bermanfaat.

Program tersebut juga bertujuan memperkasakan lagi hubungan kerjasama antara alumni PLSP/ITTHO/KUIITTHO/UTHM dan industri, serta memperluaskan lagi keterlihatan UTHM di zon tengah.

Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim hadir menyempurnakan program tersebut sekali gus merasmikan Majlis Minum Petang Alumni UTHM.

Beliau turut mengambil peluang untuk beramah mesra dan menyantuni hampir 300 alumni yang sebahagiannya hadir bersama keluarga masing-masing.

Dato' Ruzairi dalam ucapannya menyeru para alumni yang hadir untuk memberi sokongan dan kerjasama dalam menyumbang tenaga, dana mahupun idea agar dapat memberi manfaat kepada warga UTHM, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

"Saya berharap pertemuan kita pada hari ini merupakan pertemuan yang amat bermakna dan memberi kesan yang sangat mendalam.

"Diharapkan juga kita dapat membawa kebersamaan kita dalam memperkenalkan UTHM sebagai Universiti Teknikal Malaysia, khususnya di zon tengah agar lebih ramai berpeluang untuk menjadi sebahagian daripada warga UTHM," katanya.

Pada majlis tersebut, Dato' Ruzairi turut melancarkan kempen '1 Alumni RM1' sebagai inisiatif alumni menyumbang kepada pembangunan universiti yang lebih mampan.

Turut disampaikan, watah perlantikan Ketua Perwakilan Alumni Zon Tengah iaitu Ts. Syed Mohamad Syahir Syed Mazlan.

Bagi meraikan kehadiran pengunjung, UTHM turut memberi nombor plat kenderaan kepada alumni yang hadir, selain mengadakan pameran pendidikan serta sesi cabutan bertuah.

Majlis tersebut turut diserikan dengan persembahan deklamasi puisi oleh alumni UTHM tahun 2018, diiringi alunan instrumental biola dan gitar.


Sementara itu, pihak Yayasan UTHM turut memberi sumbangan wang tunai berjumlah RM2,500 kepada asnaf dan golongan B40 sekitar Putrajaya.

Turut berlangsung di sebelah pagi, program 'Yes! Rock the School' bersama pelajar sekolah sekitar

putrajaya serta 'Bengkel Penyelidikan dan Focus Group Discussion (FGD)' melibatkan penyertaan 15 industri yang terkemuka di Malaysia.

Hadir sama, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti; Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); Prof. Madya. Ir. Ts. Dr. Muhammad Saufi Kamarudin, Pengarah PKKA; Prof. Madya Ts. Dr. Asmarashid Ponniran, wakil rasmi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); Prof. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan, Pengarah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat serta Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad, Pengarah PPKK.





Program Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah UTHM terima pengiktirafan antarabangsa bagi akreditasi semula RICS

BATU PAHAT, 4 Nov 2024 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), melalui Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), telah menerima akreditasi semula daripada Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS) bagi program Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah untuk tempoh lima tahun, bermula 2024 hingga 2028.

Akreditasi itu mencerminkan pencapaian UTHM dalam mengekalkan standard pendidikan bertaraf antarabangsa, serta memenuhi kriteria global dalam bidang pengurusan harta tanah. Dengan pengiktirafan ini, pelajar kini dapat memperoleh pendidikan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, memberi nilai tambah kepada prospek kerjaya mereka dalam industri yang kompetitif.

Lawatan akreditasi semula RICS telah berlangsung pada 30 April 2024 lalu, yang mana UTHM telah menerima kunjungan rasmi dari wakil RICS sebagai sebahagian daripada proses akreditasi semula program tersebut.

Lawatan dan pertemuan yang diadakan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah itu turut melibatkan pemantauan terhadap penyampaian program, fasiliti, maklumbalas dari majikan dan juga alumni di bawah Jabatan Pengurusan Harta Tanah.

UTHM diwakili Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin manakala penilai akreditasi RICS pula diwakili Mr. Nick Inatey, Ketua Operasi Penilaian untuk Asia Pasifik, Eropah, Timur Tengah dan Amerika, bersama pakar akademik, Prof. Dr. Yu Shi Ming dari National University of Singapore dan Prof. Dr. Lynne Armitage dari Bond University, Australia.

Hadir sama, Prof. Madya Rosli Omar, Pengarah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik; Prof. Madya Ts. Dr. Rafikullah Deraman, Ketua Jabatan Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik, Dekan FPTP; Prof. Madya Dr. Shafie Mohamed Zabri; Prof. Madya Dr. Azlina Md Yassin, Timbalan Dekan Akademik; Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid Masrom, Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan; Dr. Anim Zalina Azizan, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni; penyelarar akreditasi RICS-UTHM, Prof. Sr. Dr. Rozilah Kasim dan Ketua Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Gs. Dr. Edie Ezwan Mohd Safian.

Penilaian oleh RICS merangkumi pelbagai aspek seperti kesesuaian kurikulum dengan keperluan industri, kemudahan pembelajaran, pengaplikasian teknologi terkini dan sokongan terhadap pelajar serta tenaga pengajar.

Menurut Dr. Shafie, RICS turut berpuas hati dengan struktur akademik komprehensif yang disediakan UTHM, yang selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan memenuhi kehendak industri.

Fasiliti canggih seperti makmal, bilik kuliah dan sumber pembelajaran digital juga dikatakan mematuhi standard RICS, sekali gus mengukuhkan reputasi UTHM sebagai institusi pendidikan unggul dalam bidang ini.

"Pengiktirafan RICS ini membuktikan komitmen UTHM untuk terus menyediakan pendidikan berkualiti tinggi dan berdaya saing.

"Graduan dari program ini dijangka akan lebih kompetitif dan memiliki kelebihan di pasaran pekerjaan tempatan dan antarabangsa," katanya.



FAST dan FTK anjur 'Career Fair 2024' bantu bakal graduan, erat hubungan dengan industri

PAGOH – Bertemakan 'TechFusion Career Expo', Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dengan kerjasama Pusat Kemajuan Kerjaya & Alumni, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berganding bahu menjayakan program 'Career Fair 2024' yang diadakan pada 10 Oktober 2024 bertempat di Dewan Serbaguna A9, Kolej Kediaman Kampus Pagoh.

Dalam usaha meningkatkan peluang kebolehpasaran graduan, khususnya bagi pelajar yang akan menjalani latihan industri pada semester hadapan, FAST dan FTK saling bekerjasama untuk memperkasa serta mempersiapkan para pelajar sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan.

Program itu juga menjadi platform kepada kedua-dua fakulti untuk menyantuni dan menghargai sumbangan besar rakan industri yang telah lama berkolaborasi dengan UTHM dalam menyokong pendidikan, pembangunan pelajar dan penyelidikan.

Antara bentuk sokongan dan kerjasama yang diberikan termasuklah menyediakan peluang latihan industri (*internship*) dan work-based learning (WBL) untuk pelajar dan menyumbang kepada program pembelajaran melalui kerjasama bidang penyelidikan atau tajaan.

Selain itu, penganjuran Career Fair 2024 ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan wakil industri, mendapatkan pandangan mengenai prospek kerjaya serta memperolehi maklumat mengenai peluang pekerjaan yang tersedia.

Ia juga membolehkan pelajar mengenal pasti kemahiran tambahan yang diperlukan untuk berjaya dalam sektor pekerjaan yang semakin kompetitif.

Pada masayangsama, FAST dan FTK turut menghargai sumbangan rakan industri yang telah menjalin kerjasama melalui Memorandum of Agreement (MOA) atau Memorandum of Understanding (MOU).

Kerjasama itu memainkan peranan penting dalam memperkukuh hubungan antara UTHM dan rakan industri, selain menyokong pembangunan pelajar melalui latihan industri, WBL, penyelidikan dan sebarang bentuk kerjasama lain.

Program tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran daripada industri bagi membolehkan pelajar mendapatkan maklumat berkaitan latar belakang syarikat, budaya kerja serta peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Selain itu, terdapat juga sesi temuduga terbuka yang mana pelajar berpeluang untuk menjalani temuduga secara langsung dengan wakil syarikat bagi memberi mereka pengalaman temuduga sebenar serta peluang untuk ditawarkan jawatan atau latihan industri.

Turut diadakan, *booth* penyediaan *resume* dan simulasi temuduga yang bertujuan untuk memperlengkapkan pelajar dengan kemahiran menulis *resume* yang profesional serta tip menghadapi temuduga dengan lebih yakin.

Selain itu, sebagai tanda penghargaan kepada pihak industri, FAST telah menganjurkan bengkel 'Microsoft

Excel Training' secara percuma yang dikendalikan oleh Jurulatih/Pensyarah FAST bertauliah iaitu Ts. Dr. Suhadir Shamsuddin.

Menurut penyelaras program, Ts. Dr. Siti Hana Nasir yang juga Pensyarah FTK, pelajar bukan sahaja berpeluang untuk menjalin hubungan dengan bakal majikan, tetapi juga memperoleh pengetahuan yang amat berharga tentang tuntutan dunia pekerjaan.

"Ini memberi mereka kelebihan daya saing dalam mempersiapkan diri menghadapi cabaran kerjaya," katanya.





15 pelajar UTHM lulus tahap 2 program Menservis Penyelesaian Udara Kenderaan, diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran

Seramai 15 pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) setelah berjaya menamatkan program Asas Menservis Penyelesaian Udara Kenderaan anjuran Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Chembong (IKTBN CB).

Kesemua pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan pengkhususan Automotif itu menerima sijil tahap 2 yang menunjukkan mereka mempunyai dan menguasai kemahiran asas yang diperlukan untuk menservis penyelesaian udara kenderaan.

Program ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran asas dalam penyelenggaraan sistem penyelesaian udara kenderaan, yang merupakan salah satu komponen penting dalam industri automotif.

Untuk rekod, program itu telah dijalankan selama satu minggu, bermula dari 30 September hingga 5 Oktober 2024, yang merangkumi sesi teori dan amali yang dijalankan di bilik kuliah dan bengkel.

Sepanjang tempoh program, para pelajar telah diajar dengan asas-asas dan teori penyelesaian udara kenderaan berserta komponen sistem yang ada, pemeriksaan sistem, cuci dan periksa serta pemasangan komponen penyelesaian udara, prosedur pengecasan gas dan diagnosis sistem.

Manakala pada akhir program, para pelajar telah diuji dengan beberapa sesi penilaian pengetahuan teori dan pelaksanaan prestasi.

Menurut penyelar program, Ts. Dr. Abd. Fathul Hakim, program itu diiktiraf oleh JPK, yang memastikan bahawa kurikulum dan latihan yang diberikan memenuhi piawaian industri.

"Para pelajar UTHM telah menunjukkan komitmen dan prestasi yang cemerlang sepanjang program dijalankan.

"Mereka bukan sahaja berjaya menguasai teori, malah mahir dalam amali yang melibatkan pemeriksaan, penyelenggaraan dan pembaikan sistem penyelesaian udara kenderaan.

"Kejayaan ini adalah hasil daripada dedikasi dan komitmen mereka serta bimbingan yang berkesan daripada tenaga pengajar yang berpengalaman," katanya.

Pengiktirafan tersebut telah mendorong para pelajar untuk lebih bersedia menghadapi cabaran dalam industri automotif, khususnya dalam bidang penyelesaian udara kenderaan.

Kemahiran yang diperoleh itu juga membuka peluang kerjaya yang lebih luas dan meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam pasaran kerja.

"Program ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar, tetapi juga mempersiapkan pelajar untuk menjadi tenaga kerja yang kompeten dalam industri automotif," tambah Dr. Fathul.



Projek tanam herba latih pelajar B40 kemahiran berkebun, jana pendapatan sampingan

BATU PAHAT - Bagi melatih kemahiran berkebun dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), seramai 42 pelajar telah berpeluang menyertai program 'Projek Taman Herba Pusat kitar Semula' yang diadakan di Pusat Kitar Semula, kampus induk pada 18 Oktober 2024.

Program anjuran Kelab Planeteers dengan kerjasama Pejabat Kampus Lestari (SCO), UTHM itu bertujuan untuk menyokong inisiatif 'Kampus Lestari' serta melatih dan memupuk minat berkebun dalam kalangan pelajar B40 UTHM.

Penganjuran program itu turut mendapat sokongan dan tajaan daripada Yayasan UTHM bagi perbelanjaan peralatan program dan anak-anak pokok.

Menurut Presiden Kelab Planeteers UTHM, Muhamad Khairul Amin Mohd Khairulnis sebahagian besar daripada peserta merupakan pelajar tahun satu yang baharu sahaja beberapa minggu mendaftar pengajian di UTHM.

"Sebilangan peserta datang ke program dengan berjalan kaki dari kolej kediaman ke Kabin Planeteers di Pusat Kitar Semula UTHM kerana tidak mempunyai kenderaan.

"Saya memandang perkara ini sebagai suatu tanda kebangkitan semangat yang tinggi terhadap nilai cinta alam dalam kalangan pelajar baharu UTHM.

"Perkembangan ini sangat positif dan menunjukkan generasi muda sangat cakna dan peka kepada alam persekitaran dan minat untuk belajar bukan sahaja dalam bidang pengajian yang mereka ikuti, tetapi juga terhadap kemahiran lain terutamanya aktiviti berkebun," katanya.

Menerusi program itu, sebanyak 17 anak pokok herba dan 33 batang pokok berkayu telah ditanam dan akan diuruskan penjagaannya oleh ahli-ahli Kelab Planeteers.


Selain itu program itu sekali gus berjaya membersihkan kawasan sekitar Rumah Pembelajaran Pemulihan Sumber (RPPS) dan Pusat Operasi Planeteers UTHM.

"Tidak lama lagi, tanaman herba dan pokok buah-buahan akan mengeluarkan hasil dan kami akan jadikan hasil tanaman ini sebagai sumber pendapatan ahli-ahli kelab terutamanya dalam kalangan pelajar B40," tambah Khairul.

Wakil Pejabat Kampus Lestari, Prof. Madya Dr. Nur Shaylinda Mohd Zain dan Penasihat Kelab Planeteers (Kampus Parit Raja), Dr. Emedya Murniawaty Samsudin turut menyertai aktiviti bergotong-royong membersihkan persekitaran pusat kitar semula tersebut dan turut berkebun bersama-sama pelajar.



Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide design to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guide researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulating focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tool. It provides details on the software's organization and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

